

23/10/1999

Pemilihan Megawati selesai kemelut

ALOR STAR, Jumaat - Malaysia percaya pemilihan Ketua Umum Parti Demokrasi Indonesia-Perjuangan (PDI-P), Megawati Sukarnoputri sebagai naib presiden akan menyelesaikan kemelut politik di republik itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat Indonesia dan Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR) bertindak bijak dengan memilih Megawati untuk jawatan berkenaan, sekali gus mengembalikan keamanan di Indonesia.

Sambil menyifatkan pemilihan Megawati sebagai hak rakyat Indonesia, Perdana Menteri berkata, Malaysia menerima pemilihan itu dengan penuh kesyukuran dan mengalu-alukan keputusan berkenaan.

"Kita harap ia akan menyelesaikan kemelut politik dan kita percaya pemilihan ini pemilihan yang bijak dan saya berpendapat ini akan menenangkan keadaan di Indonesia," katanya dalam sidang akhbar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, dekat sini petang ini.

Megawati, 53, mengangkat sumpah sebagai Naib Presiden Indonesia malam tadi selepas menewaskan pesaing tunggalnya, Pengerusi Parti Persatuan Pembangunan (PPP), Hamzah Haz, 59.

Anak perempuan sulung presiden pertama Indonesia itu memperoleh 396 undi, manakala Hamzah mendapat 284 undi.

Sehubungan itu, kata Dr Mahathir, Malaysia berharap Indonesia di bawah kepimpinan Presidennya, Abdurrahman `Gus Dur' Wahid dan Megawati akan terus aman dan maju.

Dr Mahathir berkata, Malaysia sebagai jiran Indonesia berpendapat pemilihan Megawati bukan setakat menyelesaikan kemelut politik, malah mengembalikan keamanan selepas republik itu dilanda pergolakan akibat pemilihan presiden dan naib presiden.

"Kita bersyukur pemilihan presiden dan naib presiden adalah hak rakyat Indonesia. Siapa juga yang mereka pilih kita terima. Itu urusan negara mereka, kita tak boleh campur tangan. Kita mengalu-alukan pemilihan presiden dan timbalan presiden.

"Kita berdoa Indonesia akan terus aman dan maju kerana Indonesia adalah jiran kita dan memang kita ada hubungan rapat dengan Indonesia," katanya.

Di IPOH, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau akan menghantar ucapan tahniah secara rasmi kepada Megawati atas pemilihannya sebagai naib presiden.

Beliau berkata, Kerajaan Malaysia berharap untuk meneruskan jalinan persahabatan yang sedia wujud berikutan pemilihan pucuk pimpinan baru di Indonesia.

"Kita harap dengan proses pemilihan presiden dan naib presiden yang selesai di Indonesia, keadaan di negara sahabat itu akan menjadi lebih tenteram.

"Kita juga berharap di bawah pimpinan baru Indonesia, kita akan dapat teruskan kerjasama dua hala dengan lebih baik dan lebih berhasil serta memberi faedah untuk kedua-dua pihak," katanya.

(END)